



KEMENTERIAN KEWANGAN

PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 8 TAHUN 2008

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Eksekutif Badan Berkanun Persekutuan
Semua Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan

KAEDAH PUNGUTAN HASIL DAN TERIMAAN BUKAN HASIL MELALUI PERBANKAN INTERNET

TUJUAN

Pekeliling Perbendaharaan ini bertujuan untuk menerangkan peraturan mengenai kaedah pungutan hasil dan terimaan bukan hasil melalui perbankan internet.

LATAR BELAKANG

2. Selaras dengan perkembangan semasa dan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan sektor awam, pungutan hasil dan terimaan bukan hasil secara *online* diperluaskan kepada perbankan internet oleh mana-mana bank tempatan. Perbankan internet merupakan pembayaran melalui portal bank bagi urusan Kerajaan.

PUNGUTAN HASIL DAN TERIMAAN BUKAN HASIL MELALUI PERBANKAN INTERNET

3. Bagi pungutan hasil, pembayaran boleh dibuat melalui *direct debit* dan Kad Kredit (MasterCard dan VISA). Manakala bagi terimaan bukan hasil, kaedah pembayaran secara *direct debit* sahaja yang dibenarkan.

KADAR CAJ PERKHIDMATAN

4. Bagi melaksanakan kaedah ini, kadar caj perkhidmatan untuk *direct debit* adalah tidak melebihi RM0.50 bagi setiap transaksi individu dan tidak melebihi RM1.00 bagi setiap transaksi entiti perniagaan.

5. Kadar caj perkhidmatan untuk Kad Kredit adalah tidak melebihi 1.8% bagi setiap transaksi.

6. Selain daripada caj perkhidmatan tersebut di atas, tiada caj lain boleh dikenakan oleh pihak bank.

7. Kerajaan telah memutuskan caj perkhidmatan untuk pungutan hasil akan ditanggung oleh Kerajaan. Manakala caj perkhidmatan untuk terimaan bukan hasil seperti pembayaran balik pinjaman perlu dibiayai oleh orang awam.

8. Bagi pungutan hasil, pihak bank boleh menolak caj perkhidmatan daripada amaun kasar yang dipungut dan menyerahkan amaun bersih kepada Kerajaan. Walau bagaimanapun, Kementerian/Jabatan Kerajaan perlu mengakaunkan amaun kasar yang dipungut sebagai hasil dan jumlah caj perkhidmatan sebagai perbelanjaan.

9. Bagi terimaan bukan hasil, bank perlu menyerahkan kepada Kerajaan, amaun kasar yang dipungut tidak termasuk caj perkhidmatan yang dibiayai oleh orang awam.

10. Kementerian/Jabatan Kerajaan hendaklah bertanggungjawab memastikan bahawa peruntukan adalah mencukupi untuk mengakaunkan bayaran caj perkhidmatan. Sekiranya peruntukan bagi bayaran caj perkhidmatan tidak mencukupi, pelarasan perlu dibuat.

AKUAN PEMBAYARAN

11. Akuan pembayaran melalui perbankan internet yang dicetak dari paparan portal bank boleh dianggap sebagai bukti transaksi pembayaran.

PERJANJIAN

12. Bagi memeterai perjanjian dengan pihak bank, format perjanjian yang disediakan oleh pihak bank boleh diguna pakai bagi pelaksanaan ini.

GARIS PANDUAN BAGI PERAKAUNAN PUNGUTAN HASIL DAN TERIMAAN BUKAN HASIL MELALUI PERBANKAN INTERNET UNTUK KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN

13. Garis panduan bagi perakaunan pungutan hasil dan terimaan bukan hasil melalui perbankan internet adalah seperti di *Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bil. 2 Tahun 2008 bertajuk Garis Panduan Pelaksanaan Kaedah Terimaan Melalui Perbankan Internet.*

TARIKH KUAT KUASA

14. Pekeliling Perbendaharaan ini berkuat kuasa dengan serta-merta.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(Dato' Sri Dr Wan Abdul Aziz Wan Abdullah)
Ketua Setiausaha Perbendaharaan

5 Mei 2008

s.k. Ketua Setiausaha Negara
Ketua Audit Negara
Akauntan Negara Malaysia
Semua Pegawai Kewangan Negeri